

**DEWAN NEGARA MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SALIM BIN SHARIF**

**TARIKH : 15 APRIL 2015**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sasaran pihak Kementerian dalam memelihara sumber asli dan alam sekitar dengan kakitangan serta keupayaan yang ada sekarang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi dan skop utama Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 beserta 37 peraturan-peraturan dibawahnya

khususnya pencemaran yang tertakluk dan dihasilkan oleh industri atau premis. Bagi maksud tersebut maka sehingga kini terdapat seramai 1300 orang pegawai penguatkuasa di 15 buah Pejabat JAS Negeri dan 26 Pejabat JAS Cawangan di seluruh Malaysia.

Di antara pendekatan dan strategi penguatkuasan berkesan yang dirangka bagi memastikan sasaran pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan rakyat dicapai ialah:

- (i) memperkenalkan dan menguatkuasakan amalan pematuhan sendiri (self-regulation), pemantauan sendiri (self-monitoring) melalui kaedah pemantauan prestasi alat kawalan pencemaran di premis, penghantaran laporan secara *Online Environmental Reporting (OER)* serta menggalakan amalan industri hijau atau teknologi bersih,
- (ii) mewajibkan melantik orang berwibawa (*competent person*) di premis bagi memantau dan memastikan semua alat kawalan pencemaran berfungsi dengan sempurna dan berkesan,
- (iii) pemantauan jarak jauh (*remote monitoring*) secara *continuous emission monitoring system (CEMS)* dan telemetri bagi semua pelepasan pencemaran yang dikeluarkan oleh premis,
- (iv) menjalankan program pengawasan kualiti alam sekitar ambien (air, marin dan udara) secara automatik dan *online*; dan

- (v) Memperkukuhkan penyertaan awam (*public engagement*) dan asas komuniti (*community based outreach*) melalui Rakan Alam Sekitar (RAS) dan program “3P” (Pasukan Pemantau Pencemaran) setempat serta mengwujudkan program *smart partnership* bersama pihak swasta dan *Government Link Company* (GLC).

Sekian, terima kasih.